



CIMB lancar Dana Ekuiti Komoditi Global Islam

CIMB- Principal Asset Management Bhd melancarkan Dana Ekuiti Komoditi Global Islam CIMB dengan saiz dana sebanyak 600 juta unit, bagi memanfaatkan peluang pertumbuhan yang besar dalam sektor komoditi.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, J Campbell Tupling, berkata dari sudut potensi, syarikat itu menyoal kadar pertumbuhan 10 hingga 15 peratus setahun bagi dana ini dalam tiga hingga lima tahun akan datang.

"Kami menjangka dapat

menghabiskan jualan semua unit ini, yang bernilai RM150 juta (1 unit = RM0.25), menjelang akhir tahun ini," katanya selepas pelancaran dana itu.

Turut hadir Ketua Pegawai Pelaburan CIMB, Raymond Tang.

Tang berkata, dana itu akan memberikan tumpuan kepada empat sektor yang sedang berkembang dalam industri komoditi.

"Kami sedang mengkaji sektor tenaga, logam, tenaga boleh diperbaharui dan pertanian.

"Strategi yang akan dilaksanakan bertujuan meraih faedah daripada permintaan yang kukuh dan semakin meningkat bagi bahan-bahan semula jadi dan asas, didorong oleh pertumbuhan struktur dalam ekonomi membangun," katanya.

Dana Ekuiti Komoditi Global Islam CIMB didedarkan oleh CIMB Bank, CIMB Private Banking dan CIMB Investment Bank dengan pelaburan permulaan RM1,000. -Bernama



TANG...empat sektor diberi tumpuan